

SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)

Pelaburan jangka panjang untuk masa depan.

Untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten di samping memastikan pengekalan modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.

Maklumat Terperinci

Kelayakan	: Bumiputera Malaysia
Harga Unit Amanah	: Tetap pada RM1.00 seunit
Jenis Akaun	: i) Akaun Remaja* (6 bulan sehingga 18 tahun) Pelaburan minimum : 10 Unit, Pelaburan Maksimum : 50,000 Unit ii) Akaun Dewasa (18 tahun dan ke atas) Pelaburan minimum : 10 Unit, Pelaburan Maksimum : 200,000 Unit
Dokumen yang diperlukan	Borang permohonan Salinan Kad Pengenalan Salinan My Kad (untuk Akaun Remaja)
Fi Belian dan Julan	: Tiada
Pembayaran Julan Balik	: Serta merta

*Pemegang akaun Remaja tidak dibenarkan untuk menjual semula unit melainkan beliau telah mencapai umur 12 tahun dan permohonan untuk menjual semula unit tidak melebihi 200 unit Akaun Remaja dalam tempoh 1 minggu. Akaun Remaja akan ditukarkan kepada Akaun Dewasa secara automatik setelah umur pemegang akaun mencapai Umur Majoriti.

Pengagihan Dividen dan Bonus ASB

- Dividen dan bonus akan dikreditkan terus ke akaun ASB
- Transaksi ASB berakhir pada 31 Disember

Kunjungi cawangan Maybank untuk memulakan pelaburan anda atau hubungi 1300 88 6688 untuk maklumat lanjut, terma dan syarat.

Maklumat lanjut mengenai ASB atau mana-mana tabung unit amanah ASNB boleh didapati di [sini](#).

Nota Penting :

Prospektus Induk bagi tabung unit amanah ASNB bertarikh 30 Jun 2014 dan Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 1 April 2015, telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan boleh diperolehi di pejabat ASNB dan ejennya. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk kepada dan mengiringi prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila baca dan fahami kandungan prospektus tersebut. Jumlah keseluruhan pulangan pelaburan mungkin turun atau naik. Pelaburan dalam unit amanah adalah tertakluk kepada risiko pengurusan dana, risiko inflasi dan risiko kuasabeli. Prestasi masa lalu tabung unit amanah ASNB bukanlah jaminan prestasi masa hadapan. Sebelum melabur, sila pertimbangkan yuran dan bayaran yang dikenakan.

Pelabur yang ingin mengetahui maklumat penting mana-mana tabung unit amanah ASNB boleh mendapatkan Halaman Serlahan Produk yang telah dikeluarkan oleh ASNB di pejabat ASNB dan ejennya.